



UNIT KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA (UKAPS), JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH

1.1 PENDAHULUAN

Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS) adalah satu komponen di bawah Program Perubatan yang diterajui oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) sejak dari 1 Disember 2003. Tanggungjawab utama UKAPS ialah untuk mengawal dan mengawalselia kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta berlandaskan peruntukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) serta Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006. Akta ini diwartakan dan dikuatkuasakan pada 1 Mei 2006. Bagi tahun 2014 bilangan klinik perubatan yang berdaftar ialah 332 buah dan klinik pergigian swasta 61 buah manakala pusat hemodialisis swasta berlesen ialah 38 buah, hospital swasta 9 buah dan 1 buah pusat jagaan ambulatori swasta.

OBJEKTIF

1.1.1 Objektif Umum

Untuk memastikan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta di negeri Kedah khususnya berupaya memberi perkhidmatan yang berkualiti, selamat dan mampu dilanggni oleh orang ramai.

1.1.2 Objektif Khusus

- a. Memastikan semua permohonan pendaftaran klinik dan pembaharuan lesen disemak dan premis menjalani pemeriksaan sebelum sesuatu permohonan disokong untuk diluluskan.
- b. Meningkatkan kesedaran pengamal perubatan swasta tentang kepentingan mematuhi kehendak akta dan peraturan demi kepentingan semua pihak dan imej perkhidmatan kesihatan secara menyeluruh.
- c. Menjalankan penguatkuasaan Akta 586 dan peraturan-peraturan yang berkaitan.

1.2 STRATEGI-STRATEGI UKAPS

Unit ini telah menjalankan tanggungjawabnya dengan menggunakan strategi-strategi berikut:-

- i) Menentukan keselamatan premis yang membuat permohonan pendaftaran melalui
 - ☞ Menyemak dokumen dan borang permohonan pendaftaran klinik dengan teliti
 - ☞ Menjalankan pemeriksaan pra-pendaftaran bagi memastikan pematuhan kepada syarat yang telah ditetapkan
 - ☞ Pemantauan klinik melalui lawatan pasca pendaftaran bagi klinik yang telah diluluskan dan telah menerima sijil perakuan pendaftaran.
- ii) Meningkatkan penguatkuasaan berdasarkan akta dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan:-
 - ☞ Mengadakan jalinan kerjasama dengan unit-unit penguatkuasaan di peringkat negeri dan kementerian dan
 - ☞ Menyediakan Garispanduan dan SOP yang berkaitan sebagai panduan dalam aktiviti penguatkuasaan

- ☞ Mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan demi keselamatan pengguna
- iii) Berusaha mempersiapkan pegawai-pegawai UKAPS dengan latihan dan kemahiran bagi mendepani cabaran yang pelbagai.
- ☞ Mengenalpasti tahap dan kategori kakitangan yang diperlukan
 - ☞ Memperkukuhkan latihan/kursus dalam perkhidmatan bagi mempertingkatkan keberkesanan dan kemahiran anggota UKAPS.
 - ☞ Mempertingkatkan taraf kandungan modul-modul bengkel dan seminar untuk tujuan perkembangan profesionalisme yang berterusan serta peningkatan ketrampilan.

Jadual 4.94

Bilangan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta Yang Berdaftar Dan Berlesen Mengikut Daerah Bagi Negeri Kedah DA Sehingga Disember 2014

BIL	DAERAH	JENIS FASILITI				
		HOSPITAL SWASTA/ ACC- Ambulatory Care centre	PUSAT HEMODIALISIS SWASTA BERLESEN		KLINIK PERUBATAN SWASTA BERDAFTAR	KLINIK PERGIGIAN SWASTA BERDAFTAR
			STAND-ALONE	UNIT HEMODIALISIS DI HOSPITAL SWASTA		
1.	Kota Setar	3	14	2	99	17
2.	Pendang	0	2	0	8	1
3.	Kubang Pasu	1	4	0	24	5
4.	Kuala Muda	5 (1-ACC)	11	3	106	19
5.	Yan	0	0	0	7	2
6.	Baling	0	1	0	13	3
7.	Kulim	1	6	0	56	9
8.	Langkawi	0	0	0	12	4
9.	Padang Terap	0	0	0	3	0
10.	Sik	0	0	0	3	1
11.	Bandar Baharu	0	0	0	1	1
JUMLAH		10	38	5	332	61

1.3 Pendaftaran Dan Pelesenan

Aktiviti memproses pendaftaran dan pembaharuan lesen adalah antara tugas hakiki yang dijalankan oleh Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS) untuk memastikan mereka yang layak sahaja boleh mengendalikan samada klinik perubatan swasta atau klinik pergigian swasta, hospital, pusat hemodialisis dan rumah bersalin swasta.

Jadual 4.95

Jumlah Permohonan (baru) Pendaftaran Klinik Perubatan & Pergigian Swasta Tahun 2014

Bil	Jenis Klinik	Jumlah
1	KLINIK PERUBATAN	16
2	KLINIK PERGIGIAN	4
	JUMLAH	20

Jadual 4.96

Jumlah Lawatan Pra & Pasca Pendaftaran Ke Atas Klinik Perubatan Dan Klinik Pergigian Swasta Bagi Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2014

Bil	Jenis Klinik	Pra Pendaftaran	Pasca Pendaftaran
1	PERUBATAN	16	9
2	PERGIGIAN	5	1
	JUMLAH	21	10

Jadual 4.97

Jumlah Lawatan Pembaharuan Lesen Bagi Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2014

Bil	Jenis Kemudahan/Premis	Bil.Premis
1	HOSPITAL	5
2	PUSAT HEMODIALISIS	12
3	PUSAT AMBULATORI	0
	JUMLAH	17

1.4. Lawatan Pemantauan

Lawatan pemantauan bertujuan memastikan perkara-perkara penting dipatuhi seperti kehendak akta dan peraturan yang antaranya ialah;

1.4.1. Memastikan pengamal perubatan atau pengamal pergigian yang bekerja disesebuah Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta adalah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

1.4.2. Langkah-langkah kawalan infeksi diamalkan

1.4.3. Rekod-rekod pesakit ditulis lengkap

1.4.4. Ubat-ubatan adalah dalam keadaan baik dan tidak luput tarikh.

1.4.5. Sistem Rantaian Sejuk (Cold Chain) dijaga dengan baik.

Jadual 4.98

Bil. Pemantuan Ke atas Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta Tahun 2014

BIL	JENIS PREMIS	JUMLAH
1	Klinik Perubatan Swasta	125
2	Klinik Pergigian Swasta	24
3	Pusat Hemodialisis Swasta	14
4	Hospital Swasta	3
5	Lain-lain (s/t Klinik Homeopati)	6
	JUMLAH	172

1.5 Lawatan Verifikasi

Lawatan Verifikasi adalah lawatan susulan bagi tujuan membuat pengesahan yang berkaitan perkhidmatan, perjawatan, infrastruktur dan sebarang ketidakpatuhan premis samada yang diarahkan oleh Bahagian Amalan atau di peringkat negeri sendiri.

Jadual 4.99

Bil. Lawatan Verifikasi Ke atas Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta Tahun 2014

BIL	JENIS PREMIS	JUMLAH
1	Klinik Perubatan Swasta	14
2	Klinik Pergigian Swasta	3
3	Pusat Hemodialisis Swasta	20
4	Hospital Swasta	4
5	Lain-lain	1
	JUMLAH	42

2. Pengurusan Aduan

UKAPS juga menerima aduan-aduan yang melibatkan premis kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta. Sebahagiannya diterima secara terus daripada pengadu dan sebahagian yang lain adalah daripada agensi-agensi tertentu.

Jadual 4.100

Bilangan ADUAN Bagi Tahun 2014

BIL	SUMBER ADUAN	BILANGAN
1	Orang Awam	8
2	Agensi di bawah KKM (CKAPS, Farmasi, MMC)	4
3	Biro Pengaduan Awam	0
4	Persatuan Pengguna	0
5	Lain-lain agensi	0
	JUMLAH	12

3. Penguatkuasaan

Dua serbuan dijalankan pada tahun 2014 yang melibatkan premis Tukang Gigi dan Pusat Rawatan Hemodialisis. Dua kertas siasatan dibuka. Satu kes telah berjaya didaftarkan di Mahkamah dan keputusan Mahkamah telah diperolehi. Manakala satu lagi kes masih dalam siasatan.

Disamping tindakan penguatkuasaan dijalankan, Unit ini masih menggunakan pendekatan "*facilitating*" supaya pihak swasta sedar akan tanggungjawab mereka sebagai pemberi perkhidmatan dengan tidak mengabaikan kehendak undang-undang dan peraturan demi keselamatan pelanggan dan pengendali-pengendali sendiri.

Jadual 4.101

Bilangan Kertas Siasatan Di Buka

BIL	JENIS PREMIS	KESALAHAN	RUJUK TPR/MAHKAMAH	STATUS
1	Tukang Gigi	S4(1)	Belum rujuk	Masih dalam siasatan
2	Pusat Rawatan Dialisis	S3(1)	TPR Putrajaya	Sebutan kes di Mahkamah Sesyen Alor Setar pada 07/01/15. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM70,000.00

4. Modal Insan

4.1. Pihak swasta telah dijemput menghadiri taklimat yang dirancang khas untuk pengamal perubatan dan pembantu klinik. Taklimat berkaitan Kawalan Infeksi , pengendalian kes Denggi dan kes Kematian Ibu kepada operator pusat hemodialis swasta telah dijalankan. Ia merupakan satu inisiatif pihak UKAPS bagi menyedarkan operator mengenai kepentingan perkara tersebut. Pada masa yang sama sesi berkenaan juga menjadi landasan penghubung antara UKAPS dengan pihak swasta dan diharapkan dengan hubungan baik itu akan menjalin kerjasama yang berterusan.

4.2. Pegawai-pegawai UKAPS juga berpeluang menghadiri kursus/seminar dan telah mencapai 7 hari/tahun seperti yang disasarkan. Usaha ini bertujuan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang relevan dengan tugas dan tanggungjawab pegawai dari masa ke semasa.

KESIMPULAN.

UKAPS telah menjalankan fungsi mengawal dan mengawalselia kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta melalui lawatan pemantauan, dan pemeriksaan bagi memastikan perkhidmatan diberikan berlandaskan peraturan yang telah ditetapkan. UKAPS juga memberi khidmat sebagai pemudahcara bagi semua permohonan penubuhan dan pendaftaran klinik serta permohonan pembaharuan lesen oleh pihak swasta. Aspek kualiti dan keselamatan kepada pelanggan sangat diberi penekanan untuk diamalkan oleh pihak pemilik premis bagi memastikan orang awam diberi perkhidmatan yang berkualiti.